

NO. SOALAN : 420

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik dari 2000-2017 pecahan kelapa sawit oleh FELDA dan FELCRA yang :-

- (a) dijual terus kepada kilang pemprosesan minyak sawit mentah; dan
- (b) dijual melalui orang tengah (pusat pengutipan sawit) dalam peratus dan dalam nilai ringgit.

JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil sawit FELDA dihantar ke kilang milik Felda Palm Industries Sdn. Bhd. (FPISB) iaitu anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). Rekod maklumat penjualan Buah Tandan Segar (BTS) dari FELDA ke kilang kelapa sawit FPISB dari tahun 2010 – 2017 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH METRIK TAN
2010	2,346,367.81
2011	2,709,592.48
2012	2,767,939.09
2013	3,113,953.77
2014	2,986,499.55
2015	3,130,822.62
2016	2,452,133.03
2017	3,203,139.20
JUMLAH	22,710,447.55

Manakala penjualan BTS kepada orang tengah hanya kepada kilang kelapa sawit swasta yang berdaftar dengan FELDA. Ini kerana tiada kilang FPISB yang berhampiran dengan kawasan rancangan berkenaan. Bagi tempoh antara tahun 2013 – 2017, rekod penjualan adalah sebanyak 907,383.37 metrik tan.

60

Bagi FELCRA pula, semua BTS kelapa sawit projek-projek FELCRA dijual melalui empat (4) saluran iaitu kilang-kilang milik FELCRA, kilang usahasama, benefisiari FELCRA dan pembeli luar. Benefisiari FELCRA adalah terdiri daripada Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia (KPFB), Koperasi Peserta Rancangan FELCRA (KPR) dan anak-anak syarikat. Semua proses penjualan dibuat mengikut tatacara Perolehan yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat.

TAHUN	JUMLAH METRIK TAN
2010	2,153,019.00
2011	2,324,476.00
2012	2,241,369.00
2013	2,352,562.00
2014	2,373,714.00
2015	2,373,123.00
2016	2,029,989.00
2017	2,281,210.00
JUMLAH	18,129,462.00

Sekian. Terima kasih.